

**NO. SOALAN: 20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : UST DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN  
RAZALI**

**TARIKH : 6 APRIL 2017**

**RUJUKAN : 9709**

**SOALAN:**

**Ust Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali [ Kuala Nerus ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan punca jumlah banduan di negara ini melebihi kapasiti penjara dan apakah langkah-langkah bagi menanganinya.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik Jabatan Penjara pada 20 Februari 2017, hanya beberapa penjara yang mengalami kesesakan dan melebihi kapasiti. Antara punca utama kesesakan adalah kerana kadar kemasukan banduan yang tinggi terutamanya pesalah warganegara asing yang berjumlah 15,691 atau 29.6% dari jumlah keseluruhan banduan 52,948.**

**Bagi menangani masalah kesesakan atau kepadatan, Jabatan Penjara tidak hanya mengambil pendekatan melalui pembinaan penjara baru tetapi mengambil beberapa langkah lain antaranya:**

- i. Melaksanakan pemindahan banduan dari penjara sesak ke penjara yang tidak sesak;**
- ii. Mempergiatkan pelaksanaan Sistem Parol, Perintah Kehadiran Wajib dan Pusat Pemulihan Pemasyarakatan yang mana kini telah melibatkan seramai 29,598 menjalani pemulihan di luar penjara;**
- iii. Meningkatkan keberkesanan pemulihan dan latihan bagi mengurangkan kemasukan semula banduan ke penjara selepas mereka dibebaskan;**
- iv. Mengubahsuai penjara sedia ada bagi meningkatkan kapasiti; dan**

- v. Mengadakan kerjasama dengan mahkamah dan Jabatan Imigresen bagi mempercepatkan proses penghantaran pulang banduan warga asing yang telah selesai menjalani hukuman. Pada masa kini kira-kira 30% banduan adalah terdiri daripada warganegara asing.